



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN)  
PENGURUSAN PERPUSTAKAAN**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR**

MUHAMMAD ZHARFAN ZUHAIR BIN MOHD ZAKI	2015115803
MUHAMMAD AZRIN AFIF BIN AZRI	2015154465

MAC 2017 – JULAI 2017

# ISI KANDUNGAN

No	Kandungan	Muka Surat
1	Penghargaan	1
2	Biodata Penemubual	3
3	Biodata Tokoh	6
4	Abstrak	8
5	Senarai Singkatan Perkataan	10
6	Pengenalan	12
7	Kajian Literatur	14
8	Transkrip Temubual	16
9	Log Temubual	65
10	Ralat	71
11	Ringkasan	73
12	Diari Kajian	75
13	Senarai Soalan	78
14	Indeks	83
15	Rujukan	88
16	Gambar	90

# PENGHARGAAN

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur kehadiran ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat juga kami menyempurnakan tugas bagi subjek IMR604 ini. Sepanjang menjalankan kerja kursus ini, kami telah memperolehi pelbagai pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai seorang pelajar. Justeru itu, kami juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan lebih terperinci lagi berkaitan dengan tugas ini iaitu temubual bersama Encik Mohd Syawal Bin Shaib mengenai biografinya dan sebagai anggota TLDM yang terlibat dengan OPS PASIR. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu Dr. Azree Ahmad kerana beliau banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang kami menjalankan tugas ini. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga kami yang banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kerna menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merialisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini samaada secara langsung ataupun tidak langsung. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda,tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian terima kasih.

# **BIODATA**

# **PENEMUBUAL**

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---



Nama : Muhammad Zharfan Zuhair Bin Mohamad Zaki

Alamat :

No Telefon :

Emel :

Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Perpustakaan (Kepujian)

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---



Nama : Muhammad Azrin Afif Bin Azri

Alamat :

No Telefon :

Emel :

Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Perpustakaan (Kepujian)

# **BIODATA TOKOH**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---



**Nama** : Mohd Syawal Bin Shaib  
**Umur** : 36 Tahun  
**Tarikh Lahir** :  
**Tempat Lahir** : Simpang Renggam, Johor  
**Pekerjaan** : Laskar kanan 1 TLDM, selepas bersara beliau kini bekerja sebagai Jurulatih di Kem Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan, Pahang  
**Status** : Berkahwin  
**Nama isteri** :  
**Anak** : 2 Orang  
**Tempat Tinggal** : Kuantan, Pahang

# ABSTRAK

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Mohd Syawal Bin Shaib mengenai biografinya dan sebagai anggota TLDM yang pernah menyertai OPS PASIR. Encik Mohd Syawal Bin Shaib merupakan anak kedua daripada lima adik beradik. Beliau dilahirkan pada 2 Ogos 1981 di Simpang Renggang, Johor. Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 2009 dan dikurniakan dua orang cahaya mata. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Kenangan, Simpang Renggang, Johor. Beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Andak, Simpang Renggang, Johor. Beliau ialah pesara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang berpusat di Markas Operasi Wilayah Laut 1 Kuantan. Beliau pernah terlibat dalam beberapa operasi di perairan laut china selatan antaranya ialah OPS PASIR. Beliau bersara atas faktor kesihatan pada tahun 2016 dan kini menetap di Kuantan, Pahang. Sekarang beliau bekerja sebagai jurulatih di Kem Taman pertanian Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. Beliau lebih mesra dikenali dengan panggilan Tok Wal.

Kata kunci: *OPS PASIR, TLDM, Tok Wal*

# **SENARAI SINGKATAN PERKATAAN**

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

## SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

Berikut adalah singkatan perkataan yang terdapat didalam transkrip temubual bersama Encik Syawal Bin Shaib:

BIL	SINGKATAN	NAMA
1.	TW	Tok Wal
2.	MZZ	Muhammad Zharfan Zuhair
3.	MAA	Muhammad Azrin Afif
4.	TLDM	Tentera Laut DiRaja Malaysia
5.	KK	Kota Kinabalu
6.	KD	Kapal Diraja
7.	OPS	Operasi
8.	TTP	Tarik Tamat Perkhidmatan
9.	PASKAL	Pasukan Khas Laut
10.	GO	General Officer
11.	NO	Navigation Officer
12.	CO	Commanding Officer
13.	FAC G	Fast Attack craft Gun
14.	PTKK	Pangkalan Tentera Kota Kinabalu
15.	GPMG	General Purpose Machinegun
16.	POP	Passing Out Parade
17.	SOP	Standard Of Procedure
18.	OJT	On Job Training

# PENGENALAN

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

Documentasi Lisan (IMR 604) merupakan subjek yang memerlukan pelajar membuat sesi temubual untuk memenuhi kriteria subjek ini. Temubual tersebut diadakan bertujuan untuk menemubual tokoh atau individu yang berpengalaman dan arif mengenai sesuatu bidang atau perkara yang diceburi. Seterusnya, Kami telah bersepakat untuk memilih bekas anggota TLDM yang terlibat dengan OPS PASIR.

Mohd Syawal Bin Shaib merupakan anak kedua daripada lima adik beradik. Beliau dilahirkan pada 2 Ogos 1981 di Simpang Renggang, Johor. Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 2009 dan dikurniakan dua orang cahaya mata. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Kenangan, Simpang Renggang, Johor. Beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Andak, Simpang Renggang, Johor. Beliau mula menyertai TLDM pada tahun 2001 dan terpaksa bersara atas faktor kesihatan pada tahun 2006.

Temubual tersebut telah dijalankan selama 1 Jam 27 minit. Penumpuan lebih kepada kerjaya, latar belakang beliau dan pengalaman beliau menyertai OPS PASIR.

Encik Mohd Syawal Bin Shaib merupakan Laskar Kanan 1 TLDM, beliau mula bertugas pada tahun 2001 dan bertugas sebagai kelasi kapal dan beliau antara anggota TLDM yang diarahkan untuk menyertai OPS PASIR untuk menjaga sempadan Negara di laut cina selatan. Pengalaman beliau sepanjang menyertai OPS PASIR ini telah diceritakan didalam temubual bersama beliau, pelbagai peristiwa pahit dan manis sepanjang beliau menyertai OPS PASIR antaranya kapal yang dinaiki beliau hampir karam, rosak, dibadai ombak, dan pernah diserang oleh sekumpulan 4 individu yang lengkap bersenjata tetapi beliau meminta untuk merahsiakan beberapa perkara yang diceritakan beliau atas faktor keselamatan. Selain itu, beliau turut menceritakan tugas beliau di atas kapal, keadaan bagaimana berada di atas kapal dan perkara yang menjadi motivasi kepada beliau untuk terus kental menjalankan operasi.

# KAJIAN LITERATUR

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

Pada tahun 2000, Encik Syawal bin Shaib telah mula menghadirkan diri ke pusat pemilihan TLDM di sekolah teknik kluang, johor. Beliau bersama 5 orang rakan lagi telah bersama-sama menghadirkan diri untuk menyertai TLDM tetapi pada penghujungnya hanya Encik Syawal Bin Shaib sahaja yang berjaya menyertai TLDM manakala rakannya yang lain menarik diri daripada menyertai TLDM.

Pada tahun 2000, berlaku salah faham sehingga Encik Syawal bin Shaib terlantar di hospital dalam keadaan koma apabila dipukul dalam satu insiden salah faham namun dengan semangat juang yang tinggi Encik Mohd Syawal Bin Shaib pulih daripada kecederaan tersebut dan kembali meneruskan latihan dalam TLDM sehingga lah beliau ditugasakan untuk bertugas di Labuan.

Seterusnya, anak kelahiran simpang renggam johor ini memulakan tugas beliau sebagai kelasi kapal di kapal KDT SOTONG dan seterusnya ketika kejadian culik yang aktif dan kerap berlaku di perairan sabah, kerajaan menerusi kementerian pertahanan telah melancarkan OPS PASIR (Operasi Padanan And Simpadan Island Resort), beliau antara anggota yang diarahkan untuk menyertai OPS PASIR dengan belayar menaiki kapal jenis tempur KD BAUNG untuk menjaga perairan Negara di Sabah. Pelbagai peristiwa dan kenangan telah diceritakan sepanjang beliau bertugas di dalam OPS PASIR sehingga ada peristiwa yang hampir meragut nyawanya.

Selain itu, pengalaman sepanjang berada di tengah laut amat menuntut semangat juang yang tinggi apabila terpaksa berhadapan dalam pelbagai jenis situasi antaranya diserang hendap, dibadai ombak, kapal mengalami kerosakan, kehabisan air dan makanan serta tidak dapat mandi selama seminggu. Dalam kita menikmati keamanan ketika ini, Itulah antara pengorbanan seorang anggota TLDM yang bertungkus lumus menjaga keselamatan Negara dari diceroboh.

# TRANSKRIP TEMUBUAL

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

Berikut adalah rakaman temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Muhammad Zharfan Zuhair Bin Mohd Zaki dan Muhammad Azrin Afif Bin Azri Bersama Encik Mohd Syawal Bin Shaib mengenai pengalaman beliau sebagai anggota TLDM yang menyertai OPS PASIR dan biografi beliau. Temubual ini telah dijalankan di Restoran Sebintang, Batu Hitam, Kuantan, Pahang pada tarikh tiga puluh satu Mei dua ribu tujuh belas (31 Mei 2017) jam (11.30) Sebelas tiga puluh minit malam.

## TRANSKRIP TEMUBUAL

**MZZ: Okay [baiklah]. Assalamualaikum.**

TW: Waalaikumussalam.

**MZZ: Untuk interview kali ini kita akan menemubual individu bernama En.Mohd Shawal iaitu bekas tentera laut, so [jadi] untuk soalan pertama ya En. Shawal, sebelum itu boleh saya panggil tok wal [nama panggilan mesra] sahaja?**

TW: Boleh, sebab dunia dah berbeza kan dulu asal usul orang panggil 'staff', lepastu [selepas itu] *last* daripada sebelum [sebelum] berhenti ni [ini] di panggil 'Leading', 'Leading' dulu lah waktu berhidmat orang panggil 'Leading' lah, panggil tok wal je sekarang dah tua dah.

**MZZ: Okay. [baiklah] Boleh tok wal berikan nama penuh tok wal.**

TW: Nama penuh? Nama penuh tok wal Mohd Shawal bin sahib.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: Umur tok wal sekarang?**

TW: Sekarang umur 38.

**MZZ: Tok wal asal kat mana [dari mana] ya?**

TW: Tok wal asal - asal usul lahir Simpang Renggam Johor.

**MAA: Simpang Renggam?**

TW: Johor ah [lah].

**MZZ: So [jadi] bila tok wal start berhijrah duduk di kuantan?**

TW: Err (berfikir) *start* [mula] duduk kuantan ni [ini] 2006.

**MAA: 2006?**

TW: Erm (mengangguk kepala).

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Lepas tok wal masuk tentera?**

TW: Last berhidmat di (berfikir) Labuan, pergi ke Sepanggar, lepas pada Sepanggar KK [Kota Kinabalu] tu 2006 err (berfikir) Februari 2007 dah berada dekat Kuantan ah [lah].

**MZZ: Nama ayah dan mak tok wal?**

TW: Nama ayah Shaib bin Hamid, mak Fatimah binti Hassan.

**MZZ: Ibu bapa tok wal asal daripada Johor ke?**

TW: Asal daripada Johor. Asal Batu Pahat ah [lah]

**MAA: Pekerjaan?**

TW: Orang tua, buruh kasar.

**MZZ: Buruh kasar?**

TW: Hah [ya].

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Bilangan adik beradik tok wal?**

Tok wal: Adik beradik lima orang ah [lah], tok wal anak kedua.

**MZZ: Nama — Tok wal sudah berkahwin kan?**

TW: Ya sudah berkahwin dah.

**MZZ: Nama isteri tok wal?**

TW: Nama isteri Siti Safiah.

**Zaf: Pekerjaan?**

TW: Pekerjaan dia suri rumah.

**MZZ: Bila tok wal start [mula] dirikan rumah tangga?**

TW: Rumah tangga ni (tersenyum), err (berfikir) 2009.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: 2009?**

TW: Ya 2009.

**MZZ: Sekarang tok wal dah ada berapa orang cahaya mata?**

TW: Erm 2 orang.

**MZZ: Okay [baiklah], bila tok wal start jejukan kaki ke alam sekolah?**

TW: Alam sekolah?

**MZZ: Ya.**

TW: Ya Allah hai Tuhan, itu masa lahir tu [itu], Allahuakbar tahun bila ye, lupa la pulak tahun dia (sambil tergelak) (berhenti) erm darjah satu --

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA:** Tapi kalau tok wal tak ingat, boleh tok wal sebut sekolah — nama sekolah?

TW: Nama sekolah ingat lah.

**MZZ:** Nama sekolah?

TW: Sekolah Kebangsaan Bukit Kenangan.

**MZZ:** Itu sekolah rendah?

TW: Sekolah rendah.

**MZZ:** Sekolah menengah?

TW: Sekolah menengah err (berfikir) Sekolah Menengah Dato' Abdul Rahman Andak,  
Simpang Renggam.

**MAA:** Waktu tok wal zaman sekolah dulu tok wal ada terlibat dalam aktiviti ke persatuan ke?

TW: Erm dulu masa (berfikir) sekolah rendah adalah sikit kan naik sekolah menengah naik tingkatan satu tu [itu] adalah masuk persatuan silat *so* [jadi] -- game main ragbi -- erm jadi masuk persatuan kadet darat.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA:** Tok wal pernah terima anugerah apa-apa tak? Terima sijil ke? Ataupun sepanjang tok wal sertai silat tu [itu] kan, ragbi semua tu [itu] ada pernah join kejohanan apa-apa ke?

TW: Ada dulu, sampai ke peringkat - peringkat daerah masuk ke peringkat negeri je [sahaja], err (berfikir) ragbi terima sijil, silat ada terima sijil jugak [juga].

**MAA:** Selepas tok wal tamat zaman sekolah, pastu [lepas itu] tokwal lanjutkan pelajaran ke peringkat mana?

TW: Tok wal tak lanjutkan pealajaran, tok wal berhijrah ke semua negeri.

**MAA:** Ke semua negeri?

TW: Habis sahaja SPM, *so* [jadi] berbekalkan duit 30 Ringgit berhijrah ke Melaka, *so* [jadi] ke Melaka kerja kat [dekat] kedai makan - nak merasai psuing satu semenanjung *so* [jadi] pusing habis kat Melaka tu kerja kedai makan duduk tiga empat hari kerja kedai makan tu [itu] dah [sudah] dapat modal sikit beli tiket ke negeri Sembilan, naik pusing terus sampai ke Perlis, pusing ke Kuantan balik ke Johor semula.

**MZZ:** *Okay* [baiklah] sekarang pasal sejarah pekerjaan.

Tok wal: Sejarah pekerjaan (sambil tergelak).

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** Boleh tok wal ceritakan tak serba sedikit daripada awal permulaan tok wal mula –

TW: Berkecimpung ehh [ke]?

**MZZ:** Berkecimpung dalam tentera.

TW: Dia asal usulnya tak tahu pun, asal usul nya memang tak tahu pun TLDM ni. Tak kenal pun, cuma kenal tentera darat je [sahaja], erm sebab tok wal *last* sekolah [masa sekolah] dulu pun, berpangkat sarjan dalam persatuan kadet darat, tak kenal pun TLDM. Pergi 6 orang je [sahaja] ikut kawan, asal usulnya ikut kawan 6 orang, kawan 5 orang tu balik, tinggal tok wal sorang-sorang [seorang].

**MZZ:** Dekat - dekat mana tu? Interview ke?

Tok wal: Dak [tidak], erm interview (berfikir) interview 6 orang dapat, interview di Sekolah Teknik Kluang, dulu sekolah teknik lah sekarang Kolej Vokasional rasa.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

### **MZZ: Interview untuk pengambilan kan?**

TW: Ya, untuk pengambilan. Tak tahu pun pergi saja saja [suka-suka] je [sahaja], *so* [jadi] dapat panggilan, pergilah dekat Johor, 6 orang pergi, 5 orang tu balik, tinggal tok wal sorang [seorang] *so* [jadi] sondol je [sahaja] lah ikut ikut ikut ikut [mengikut], tak tahu pula Alhamdulillah rezeki dalam ni kan, *so* [jadi] tak melanjutkan pelajaran mana lah, orang kata musing [pusing] habis semua satu semenanjung, tapi sebab dah niat rasa nak pergi Sabah Sarawak kan, mungkin rezeki kat [dekat] - dalam berkhidmat dalam TLDM ni kot, *so* [jadi] lima yang tinggal, tinggal sorang [seorang] sondol je [sahaja] ikut [sahaja] dalam masa tu panggil rekrut en [kan], lepas dapat yang rekrut, lepas, Alhamdulillah, sampai ke POP [*Passing Out Parade*], dalam POP [*Passing Out Parade*]tu [itu] erm dalam rekrut tu [itu], tok wal sebagai ketua divisyen.

### **MAA: Tok wal boleh beritahu tak [tidak] apa POP tu [itu]?**

TW: Tu err [sedang berfikir] dipanggil pembarisan tamat latihan, erm pembarisan tamat latihan *so* [jadi] tok wal sebahagian dalam - dalam divisyen-divisyen tu, tok wal sebagai ketua, *so* [jadi] gambar pun ada lah, rasa dalam - ada masuk dalam - boleh cari balik kot.

### **MZZ: Tok wal, berapa lama tok wal jalani latihan untuk menjadi seorang tentera?**

Tok wal: Erm 6 bulan

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: 6 bulan?**

TW: Mm-hmm. (mengangguk kepala)

**MZZ: Dekat mana tu? (tempat menjalani latihan)**

Tok wal: Dia 3 bulan di Pularek [markas TLDM], selepas tu [itu] dihantar ke Lumut, lepastu [selepas itu] dihantar ke kapal, dan dihantar balik semula ke darat, *so* [jadi] dia pusing lah kira setahun, nak ingat balik lupa lah, orang dah lama tinggal kan, erm (sedang berfikir) 6, balik 3, keluar 6 *off-duty* [tidak bertugas] 6 bulan, maknanya setahun lebih jugak [juga] rasa pusing pusing sebelum ditetapkan unit lah.

**MAA: Sepanjang tok wal jalani latihan tu [itu], ada pengalaman yang pahit manis?**

TW: Ya Allah , pahit manis tu [itu] memang ada, sejarah dia sebelum nak terbang ke Labuan, unit pertama erm itulah yang merupakan sejarah hitam lah dalam perhidmatan, sejarah hitam, erm kita tolong orang , kita kena balik. Haa itulah yang terjadi pada tok wal, *so* [jadi] sebelum tok wal ke Labuan tu [itu] tok wal duduk di (sedang berfikir) hospital dulu, *so* [jadi] dekat hospital tu [itu] setahun lebih sebab waktu tu [itu] ada erm salah faham jadi orang tu pukul sampai koma ( tok wal dipukul sehingga koma) itu jelah [sahaja lah] boleh cakap, sehingga koma *so* [jadi] dalam perhidmatan tu Alhamdulillah lah, erm boleh *catch up* [kejar] balik, boleh kenal balik, boleh ingat balik keluarga, boleh ingat balik kawan kawan, lepas daripada tu baru sambung balik berhidmat.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Pengalaman manis tok wal?**

TW: Pengalaman manis tu erm cita cita kita, nak pergi ke seberang tanpa gunakan duit, *so* [jadi] kita takde [tidak ada] duit, orang susah, jadi dengan dapat berkhidmat dalam masa kita berkhidmat kita boleh menziarah ke tempat lain.

**MZZ: Bila tok wal *start* [mula] bertugas dan apa jawatan pertama tok wal sandang?**

TW: *Okay* [baiklah], semua sekali lepas habis rekrut , kat kapal, turun naik kapal apa semua , lepas tok wal duduk hospital lama setahun, setahun lebih, pergi ke Labuan (sedang berfikir) permulaan jawatan sebagai *Yoeman* [Jurulatih Komunikasi Taktikal], *Yoeman* tu erm dipanggil *Yoeman Gunday*, jaga gedung senjata didalam kapal tu [itu] lah, *so* [jadi] kita ada –

**MZZ: Boleh tok wal bagitahu [beritahu] nama kapal tu?**

TW: Erm nama kapal tu [itu] - kapal *first* [pertama] yang tok wal masa OJT [on job training] kapal KDT Sotong, memang Nampak macam kapal tunda je [sahaja] kan tapi pergi ke Labuan tu [itu] *first* [pertama] kapal tok wal KD Baung, sebenarnya kalau nak ikutkan tok wal tak boleh naik kapal sebab ada *medical* [sejarah penyakit] tapi kita nak jugak [juga] kan, *so* [jadi] naik KD Baung lah daripada KD baung tu [itu]lah banyak pengalaman lah dalam KD baung tu [itu].

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: So [jadi] tok wal start [mula] tahun dua ribu berapa? Tok wal start mula bertugas?**

TW: Betul-betul kena rekrut tahun 2001.

**MZZ: Pengalaman tok wal sewaktu memegang jawatan Gundry?**

Tok wal: Erm kita nak kena ingat peluru berapa banyak –

**MZZ: Pengalaman yang paling tok wal ingat lah.**

TW: Pengalaman banyak sebenarnya, kapal nak karam ada, tolong kapal kawan nak karam ada, kita *follow* [ikut] kapal dah tinggal nyawa2 ikan dah, dengan keadaan air yang penuh.

**MZZ: Waktu tu di laut - laut mana?**

TW: Masa tu di perairan laut cina selatan, tapi di perairan belah Tawau.

**MAA: Tapi tugas utama tok wal ialah jaga gedung senjata?**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

TW: Tak [tidak], tugas utama tok wal dekat dalam erm dekat kapal tu (itu) sebagai kelasi, dipanggil kelasi, kelasi ni tidak semestinya jaga senjata, kita jaga tali, *so* [jadi] tali yang dekat kapal tok wal jaga, tali *Forward Spring*. Dia yang pertama ada *Head Rope* yang depan, *Forward Spring* nombor dua, yang terakhir tali yang mula mula untuk setting kapal, lupa dah nama kapal tapi last sekali tali *Back Sprint* lah dia ada 4 tali je [sahajaa] untuk tambatan ni.

**MZZ: Okay [baiklah] selepas daripada tu [itu], tok wal ada dinaikkan pangkat?**

TW: dia asal usul tok wal dulu Laskar Muda , naik kapal tu Laskar Muda erm takda pangkat apa lagi lah kira prebet kosong lah pastu [selepas itu] pakai se bintang , kenangan paling manis sekali pakai se bintang sebab pakai se bintang tu, biasa pakai kat Malaysia tapi tok wal pakai dekat sempadan perairan Indonesia, itu pengalaman paling manis lah dah cerita ni baru teringat balik (sambil tersenyum).

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Apa pangkat pangkat yang tok wal pernah sandang? Boleh tok wal ceritakan dari awal sampai akhir tok wal pegang?**

TW: Dia pangkat ni sebab kita kena pergi kursus kan, dia asal usul rekrut, masa zaman dahulu rekrut, lepas tu [itu] pakai *badges* [lencana], takda [tiada] warna lah kosong lah, pastu Laskar Muda. Bila dah sampai kat situ baru pakai *brands*, dia punya cawangan kepakaran dia, lepastu [selepas itu] nak dapat sebintang tu [itu] tunggu pulak dalam masa 18 bulan untuk pakai sebintang pastu [selepas itu] dah sebintang tu [itu] dipanggil Laskar Kelas Dua sebelum pakai bintang Laskar Muda, pastu Laskar Kelas Dua, pakai dua bintang pulak dekat bahu sini tu [itu] Laskar Kelas Satu, Laskar Kelas Satu tu [itu] lama lah baru naik jumpa *Leading* Laskar Kanan dia ada gambar sauh satu.

**MZZ: Tok wal naik pangkat setiap tahun ke macam mana?**

TW: Dia bukan naik setiap tahun, dia *last* [akhir] akan 2 bintang, 2 bintang tu Lans Koperal kalau dalam pada lain lah, kalau dalam TLDM tu 2 bintang tu Laskar Kelas Satu *so* [jadi] kalau kata macam polis, *airforce* [tentera udara] tu Lans Koperal. Tapi bila pakai sauh sebelah dipanggil *Leading* itu dipanggil koperal, dua calit lah, hah itu beza dia nak pakai dua calit ni, tunggu nama naik dalam TLDM ni tunggu nama naik untuk pergi kursus, kalau nama ada keluar kena pergi kursus.

**MZZ: Jawatan terakhir tok wal sandang?**

TW: Jawatan terakhir disini (Kuantan) pegang sebagai jurulatih pasukan Kadet Laut Bersatu Malaysia zon Timur.

**MAA: Pangkat apa tu [itu]? Dia ada spesifik pangkat ke?**

TW: Tok wall pangkat tetap Laskar Kanan, *last* [akhir] tu [itu] masa berhidmat tu Laskar Kanan, tapi erm jawatan tu [itu] erm jurulatih PKBM Laut zon Timur, maknanya tiga negeri tok wal jaga.

**MZZ: So [jadi] tugas tok wal masa tu [itu] melatih?**

TW: Itu di kuantan lah, melatih sekolah-sekolah yang ada kadet laut , Kuantan ada lima, Terengganu ada dua, Kelantan ada lima , maknanya dua belas buah sekolah.

**MAA: Sepanjang tok wal dalam TLDM ni [ini], tok wal ada terniat tak [tidak] untuk cari kerja lain, teringin nak mohon kerja lain ke atau memang sepenuh jiwa dalam TLDM?**

TW: Tak pernah pun terfikir nak cari kerja lain, sebab hidup tok wal kerja itu yang masa duk Labuan daripada tahun 2000 lepas keluar hospital sampai ke 2006 tak pernah balik raya, beraya di Labuan lah, raya di KK [Kota Kinabalu] beraya di sebelah *east* [timur] lah tak pernah beraya kemari [semenanjung] lah.

**MAA: Tahun bila tok wal mula bersara? Tarikh.**

TW: Tarikh betul-betul habis dalam TLDM ni [ini] 28 Januari 2016

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Tok wal bersara pada umur?**

TW: Bersara medical pasal medical dah ckup erm (sedang berfikir) TTP [Tarikh Tamat Perkhidmatan] tu [itu] dah sampai tarikh tamat perkhidmatan tu [itu] memang dah sampai walaupun medical board tu dibuat pada tahun 2013 lagi tapi TTP 2016 *so* [jadi] terpaksa kita tinggalkan dalam keadaan tenang lah.

**MZZ: Kiranya tok wal bersara atas faktor kesihatan lah?**

TW: Ya, atas faktor kesihatan.

**MZZ: Sepanjang tokwal berada dalam TLDM boleh sebutkan tak beberapa operasi yang tok wal pernah terlibat yang mana tok wal ingat la.**

TW: Ops Pasir tu [itu] memang sentiasa lah sebab belah [sebelah] sana memang ikut rutin kapal.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: Boleh tok wal terangkan mengenai Ops Pasir?**

TW: Operasi ni kita kena jaga perairan, zaman dulu sebelah sana banyak pada Abu Sayyaf *so* [jadi] pernah lah jugak [juga] boarding dalam masa sama kita terpaksa *anchor* [turun sauh] dalam keadaan operasi, makanan habis pernah jugak makan habis, sebab kita kena *rotate* [pusing] kapal dalam waktu tu [itu] kecoh dengan erm Abu Sayyaff dekat Semporna dengan kes culik, waktu - kita pernah bertelagah sekali degan Indon [Indonesia] pasal perebutan minyak di Tawau antara Solawusi dan Malaysia sempadan Solawusi dan Malaysia di Tawau pun pernah juga, ada yang keluar dekat berita.

**MZZ: Tugas tok wal *time* [masa] tu [itu] tok wal belayar lah?**

TW: Belayar lah sebagai kelasi, bila belayar sebagai kelasi, bila belayar tok wal akan dua - errr mengemudi kapal ataupun *lookout* [memerhati] lah ataupun memegang *wheel* [stereng].

**MAA: Tok wal boleh ceritakan tak [tidak] kapal apa yang tok wal belayar tu [itu]?**

TW: Yang tok wal naik tu [itu] KD Baung lah, dia ni [ini] tak ada lah besar mana dia panggil FAC-G [*Fast Attack Craft-Gun*]/je [sahaja], kapal kecik [kecil] je [sahaja] ada *gun* [meriam] dua bijik [biji] depan belakang.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: Kelas tempur ke apa?**

TW: Kelas tempur kalau kata kena ombak, ombak besar tenggelam dan timbul balik kapal tu [itu] pernah kena gelombang, kena rebut. Empat orang je [sahaja] yang boleh erm orang kata *steady* lagi ada sorang *Yoeman* nama err lupa lah dulu orang panggil Ela Rohadi, pastu [lepas tu] Sudin, Pokmat, Pokjat. Empat tu memang steady lah tak tau [tahu]mana diorang tu pergi sekarang ni [ini].

**MZZ: Jadi kapal tu memang lengkap bersenjata lah? Bersedia lah andai kata perang ke apa?**

TW: Memang dah siap sedia dah.

**MZZ: Boleh tokwal ceritakan tak [tidak] senjata apa yang berada pada kapal tu [itu]?**

TW: Kapal tu [itu] sebelum berlayar kita kena pasang kiri kanan lah, GPMG [*General Purpose Machine Gun*] tu [itu] memang kena pasang lah.

**MAA: GPMG tu apa?**

TW: Allah pernah tengok cerita 'Rainbow' tak? 'Rainbow' dok [tengah] pegang.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: Macam *Machine-gun* tu [itu]?**

TW: A'ah [betul] yang tu [itu], dia panggil GPMG, M16 ada *stayer* [nama senjata], kita ada gun, air gun kat depan, wild gun di depan peluru dia 57mm.

**MAA: Dia boleh musnahkan kapal jenis apa tu [itu]?**

TW: Meriam ni depan belakang ni [ini], kapal terbang pun boleh tembak.

**MZZ: Kapal KD Baung masih digunakan lagi?**

TW: Masih digunakan lagi, sekarang ni [ini] berada di (sedang berfikir) - kalau tak [tidak] di KK [Kota Kinabalu] di Tawau antara dua tu [itu] lah, eh (sedang mengingat) tak [tidak] di KK [Kota Kinabalu] atau di Sandakan. *Last* [kali terakhir] saya dengar kata dekat KK [Kota Kinabalu] dekat Sepanggar.

**MZZ: Sepanjang pelayaran tok wal di perairan, selain di lambung ombak ada peristiwa pahit lagi tak [tidak] yang pernah dilalui sepanjang menaiki KD Baung?**

TW: Pahit tu [itu] memang lah.

**MAA: Macam contoh kena serang ke?**

TW: Kena serang tu [itu] pernah lah tapi tak [tidak] keluar lah dalam berita.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Boleh tok wal ceritakan sedikit?**

TW: Dia tu *maybe* [mungkin] dia silap, dia ingat kapal nelayan kot sebab *time* [masa] tu [itu] malam kan, kita *anchor* [turunkan sauh]seketika kejap sebab ada sedikit kerosakan radio *so* [jadi] bila kita *anchor* [turunkan sauh]ada duti bertugas untuk *anchor* [turunkan sauh] nama ape lupa erm (sedang berfikir) tapi bertugas lah waktu bertugas tu [itu] kita duduk jaga depan dan belakang *port starboard* [kiri dan kanan]lah, kiri kanan kita tak [tidak] dengar, bot sebiji [sebuah] pun kita tak [tidak] dengar tapi bila lama ada sesuatu yang memanjat, terkejut mungkin, dia terkejut kot meriam dok [duduk] tala [target] begitu [macam tu] dia panjat daripada belakang, *wild gun* tu [itu]memang kita bukak [buka], memang sentiasa siap sedia lah, peluru pun dah *load* [isi] dah.

**MAA: Ada individu tetiba [tiba-tiba] panjat?\\**

TW: Ada individu panjat lepastu [selepas itu] dia terkejut, kami terus bukak [buka] *spotlight* [lampu] apa semua, ada bot pancung tapi --tembak menembak tu adalah sikit, tapi memang tak [tidak] dapat dikesan lah waktu tu [itu] memang tak fikir apa lah.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: Kira [jadi] tok wal ingat tak bot pancung tu orang Indon [Indonesia] ke apa ke?**

TW: Tak pasti sebab malam waktu tu [itu] gelap dia*ambush* [serang hendap] malam, siang kita nampak, sebab malam ni [ini] tak [tidak] ada cahaya lampu waktu tu [itu] radio kita rosak, radar kita tak boleh nak kesan contoh kalau malam, kita tak nampak kita akan kesan melalui radar, kalau biasa tengok kat [dekat] kapal ada yang warna hijau tu [itu] kan dia nampak lah bintik-bintik tu [itu] ada objek-objek walaupun tak [tidak] ada cahaya tapi kita nampak melalui radar.

**MZZ: Kalau ikut daripada TLDM punya pandangan lah, kapal tu [itu] memang niat untuk menyerang ke?**

TW: Masa tu [itu] memang *top* [kecoh] dengan Abu Sayaff, waktu tu [itu] sibuk dengan kes culik orang masa tu [itu] tengah panas kan, Filipina kan masih berlaga [bertelagah] kan [dengan Malaysia].

**MZZ: Jadi ada kemungkinan lah bot pancung tu [itu] cuba untuk serang hendap?**

TW: Ya, masa tu [itu] mungkin dia ingat bot nelayan, masa tu [itu] lampu tengah *blackout* [terpadam] sekejap kan, mungkin dia ingatkan bot nelayan.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: Pegawai yang bertugas dalam kapal tu [itu] dia panggil ape ya?**

TW: Dia GO [*General Officer*] pegawai peperangan, NO [*Navigation Officer*] pegawai navigasi untuk radar punya, lepastu [selepas itu] SO [*Staff Officer*] pegawai laksana yang laksana hal dalam kapal ni, lepastu [selepas itu] CO [*Commanding Officer*] pegawai yang memerintah kapal tu [itu].

**MAA: Tok wal, boleh tahu ke senjata apa yang digunakan?**

TW: Errrr [sedang berfikir] dengar macam bunyi *washer-mer* [sejenis senjata api], macam Abu Sayyaf ni banyak guna *M16* [senjata] juga sebab belah-belah [di] Filipina ni dia banyak guna *M16*.

**MZZ: Waktu dalam tu [itu] berapa orang ada dalam kapal? Dalam kapal KD Baung.**

TW: Kekuatan masa tu [itu] 45 orang, itu yang enjin lain yang komunikasi lain.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Kira besar lah kapal tu [itu]?**

Tok wal: Dia tak besar mana, dia kalau kata balik darat, yang bujang je [sahaja] tinggal dalam tu [itu] yang kawin tak [tidak] boleh tinggal sebab dalam kapal tu [itu] contoh kalau tok wal bertugas orang yang tak [tidak] tugas [bertugas] tu [itu] akan ambik [ambil] tempat tidur tok wal untuk rehat, bila tok wal habis tugas dia berganti ganti, dia satu katil tu kongsi 3 orang kadang-kadang ikut syif lah, kongsi, kapal tak [tidak] besar mana kecik [kecil] je [sahaja].

**MZZ: Ikutkan bot pancung tadi tok wal dapat anggarkan berapa ramai yang masuk?**

Tok wal: Bot pancung tu [itu] 4 orang je [sahaja].

**MZZ: 4 orang je [sahaja]?**

TW: Bot pancung tu [itu] panjang kan, 4 orang je [sahaja], mungkin salah seorang tu [itu] naik tengok-tengok ada meriam kot. Terkejut pasal [punya pasal]. Masa tu [itu] tak fikir lah, sudah kena dah ni [ini].

**MZZ: Dia dari pandangan daripada TLDM mungkin itu daripada Abu Sayyaf lah?**

TW: Mungkin lah, sebab kita hantar laporan, hantar apa semua.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA:** Waktu kejadian tu memang dalam situasi gentir kan, *time* [masa] tu [itu] tok wal terfikir kan apa? *Maybe* [mungkin] fikir keluarga ke?

TW: Erm tak fikir keluarga tak [tidak] fikir apa, kita fikir anak anak kapal, dalam situasi tu [itu], kita kalau tenggelam kita tenggelam sama-sama, sebab tak ada dah nak berlari atas darat ke nak jumpa tanah ke sebab kita tengah laut *so* [jadi] tak ada pikir [fikir] keluarga kat rumah takde [tidak ada] dah kita pikir [fikir] keluarga kita, dalam satu kapal tu [itu] ibarat satu keluarga, pikir [fikir] keluarga tu [itu] dulu, Kita dapat bawa [bawa] balik keluarga kita yang dalam kapal ni [ini], barulah kita dapat fikir keluarga kita yang dekat rumah, tapi kalau kita bawa [bawa] - fikir keluarga dekat rumah, kita berada kat [dekat] kapal kita tak kan boleh buat kerja.

**MAA:** Waktu tu [itu] tokwal sudah kawin ke?

TW: Belum, bujang lagi.

**MZZ:** *Okay* [baiklah], selain daripada peristiwa yang tu [itu] ada lagi peristiwa lain tak?

TW: Peristiwa tu eerrr - peristiwa lain takdelah [tidak ada] tapi balik jeti tak dan [tak sempat] nak pijak jeti keluar balik adalah.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: (tergelak) Sebab - sebab apa kena -- ?**

TW: Masa tu [itu] tengah, ada pertelagahan erm (tengah berfikir) pertelagahan persepadanan lah, balik hanya semata mata isi minyak, isi barang, keluar balik. Masa tu –

**MZZ: Jeti mana waktu tu [itu]?**

TW: Jeti Labuan. Masa tu [itu] memang tak [tidak] pijak jeti tak [tidak] jumpa darat selama sebulan lebih dekat dengan 2 bulan . Waktu tu [itu] tak [tidak] rupa orang dah. Balik semata mata isi minyak, isi air, isi makan, keluar.

**MAA: Untuk jaga sempadan lah?**

TW: Ha'ah [Mengiyakan] itu pun tahan seminggu, Balik ambik [ambil] isi air, isi minyak, masukkan bekalan makan, keluar. Gitulah [begitulah] dekat-dekat 2 bulan tu [itu]tak ada rasa err apa orang kata, tak [tidak] jumpa darat.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** Kira selepas daripada tu [itu] ada peristiwa pahit lagi? Takde [tidak ada] dah?

TW: Lepas pada tu [itu] turun kapal. Duduk dekat *base* [markas] lah, waktu tu [itu] perpindahan pertama di (sedang berfikir) Sepanggar. *Base* [markas] PTKK [Pangkalan Tentera Kota Kinabalu] sekarang ni panggil Pangkalan TLDM Kota Kinabalu dulu dia panggil Kem Sepanggar. *So* [jadi] tok wal *first krew* [krew pertama] kat Sepanggar tu [itu], 40 orang. (berhenti) Ada keluar dekat surat khabar, mandi ala ala P. Ramlee tahun bila lah tahun 2 ribu - tahun 2006 rasanya mandi ala ala P. Ramlee cuci mata gosok gigi sape [siapa] cepat dia dapat lah air, air daripada bukit, punca air tak tau [tidak tahu] daripada mana. Itu masalah air lah, kami 40 orang err (sedang berfikir) berhadapan dengan orang-orang kampung kat luar tu [itu] yang marah dengan TLDM.

**MAA:** Dia marah sebab apa?

TW: Sebab tanah itu di ambil untuk buat pangkalan TLDM. Dibaling dengan batu.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** Itu antara peristiwa pahit waktu tok wal duduk dekat *base* [markas] lah?

TW: Itu duduk dekat *base* [markas], sebab *base* [markas] tu *base* [markas] pertama, pangkalan mula nak bukak [buka] sebelum tu [itu] pekerja, lepas daripada tu [itu] masukkan anggota 40 orang yang mandi air dengan tak ada dengan jalan tak siap lagi masa tu [itu], nak keluar dengan kena maki dengan orang kampung waktu tu [itu], nak keluar tak boleh keluar sorang-sorang [seorang] kena keluar ramai-ramai kalau keluar sorang-sorang [seorang], ada sorang tu [itu] yang tak boleh nak balik, sebab ape sebab terlanggar anak ayam, dia terlanggar anak ayam terus kena pegang nak tak nak kena byar 400 ratus [Ringgit] (tergelak) sebab waktu tu [itu] tok wal sebagai ketua dekat dalam tu antara 40 orang tu [itu] tok wal dipanggil *Buffer* [serang]errr serang maknanya segala masalah diorang tok wal yang akan sampaikan pada pegawai, pagi tok wal kena kira anggota jadi tanggungjawab tok wal berat, sorang tak [tidak] balik, tok wal kena cari, 40 orang termasuk tok wal, 39 tu [itu] tok wal jaga maknanya orang kata kehidupan tu [itu] jadi lagi berat, tanggungjawab jadi lebih berat lagi.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** Tapi *base* [markas] tu yang tok wal jaga tu memang tempat letak senjata atau tempat kapal berlabuh?

TW: Tak [tidak], sekarang ni [ini] dia jadi pangkalan, ada tempat kapal selam sekarang ni [ini] lah tempat kapal berlabuh, tempat kuarters kediaman dah lawa dah sekarang masa tok wal dulu orang - keluarga - tak siap lagi. *First krew* [krew pertama] yang masuk, rumah-rumah diorang ni [ini] semua yang 40 orang ni [ini] yang cuci. Geng-geng tok wal yang cuci lepas habis semua dah masuk, masuk air dah ni [in], jalan dah buat separuh, 40 orang ni [ini] berpecah kena - kena *posting* [lapor ke]. Tok wal kena hantar ke kuantan yang lain tak [tidak] dapat dengar cerita mungkin ada yang meninggal ada dah.

**MAA:** Kiranya operasi terakhir tok wal ialah Ops Pasir tulah?

TW: Ya, itu yang terakhir operasi tok wal.

**MZZ:** Selain daripada tu [itu] ada operasi yang tok wal terlibat?

TW: Tak ada, yang macam yang dengan KD Baung tu [itu] sempat lah pergi ke Indonesia.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: Itu buat apa tu [itu]?**

TW: Itu selepas kapal *workout* [latihan], maknanya kapal tok wal kena buat *exercise* [latihan] di lumut dulu masuk *yard* [halaman kapal] repair [baiki] apa semua dia kena buat *exercise* [latihan]. Habis *exercise* [latihan] dekat Lumut patah balik lawatan bersama dia panggil Malindo, Malaysia Indonesia so [jadi] pergi lah ke Bitung Sulawesi.

**MZZ: Itu selepas tamat selepas tamat pertelagahan dengan Indon [Indonesia]?**

TW: Sebelum pertelagahan, sebelum pertelagahan masa tu [itu] orang kata tak lagi, ada sekali tu [itu] ada kapal lain yang pergi ke sana waktu tu [itu] tengah petelagahan. Dia halau balik, yang tu [itu] lagi pahit lah.

**MZZ: Tok wal rehat dulu (ketawa). Kesian tok wal. Boleh minum dulu.**

TW: (tergelak) (bunyi cawan)

(Berhenti)

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** Waktu tok wal dekat *base* [markas] tu [itu] ada dinamakan operasi ke? Macam tok wal duduk dekat *base* [markas] tu kan, *maybe* [mungkin] dipanggil operasi apa-apa ke?

TW: Dia dekat dekat base tu [itu] , ade sesetengah tu [itu] dia tak panggil operasi errrr ada sesetenagh tu [itu] dia panggil pertahanan pangkalan. Pertahanan pangkalan ni [ini] pangkalan lah kita kena pertahankan, mungkin kita dapat berita pangkalan kita akan di *ambush* [serang hendap] *so* [jadi] kita kena pecahkan lah ikut kawasan, 24 jam nonstop [tanpa henti] kena jaga supaya jangan kena *ambush* [serang hendap] kita punya pangkalan ada juga operasi dia, di kapal ada operasi dia di pangkalan ada operasi dia, di bot ada operasi dia di pulau ada operasi dia. Dia ada bahagian-bahagian dia.

**MZZ:** Kiranya tok wal antara *batch*[peringkat] pertama lah yang duduk di pangkalan?

TW: Yes [Ya].Duduk di pangkalan tu. Dia ada batch yang menguruskan pangkalan. Dia duduk di Inanam tapi dia tak [tidak] duduk dalam, tapi *base* [markas] tok wal ni *base* [markas] yang pertama duduk dalam, duduk dalam keadaan eletrik tak [tidak] ada dengan air tak [tidak] ada, kenangan paling pahit.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:Ok tok wal kita berbalik pada operasi OPS PASIR tadi, sepanjang tok wal berada dalam kapal KD baung itu tok wal boleh ceritakan tak [tidak] pengalaman tok wal dibadai ombak setinggi berapa kaki?**

TW: Pernah dibadai ombak tu [itu] memang lah, kita tengok kapal itu macam mana besar kan, bila badai ombak itu kapal itu naik atas bila dia turun bawah tu kipas kat belakang tu boleh nampak dia, duduk dalam air lepastu timbul balik sampai ikat tali kat [dekat] badan ikat dekat tepi kapal sebab kita nak *lookout* [memerhatp] kan, terangkat terbang.

**MAA: Waktu tu memang tak [tidak] boleh nak tido lah?**

TW: Bukan tak [tidak] boleh nak tido, yang pengsan muntah hijau pun ada.

**MZZ:Waktu kena badai ombak itu tok wal pernah ke muntah ke pengsan ke?**

TW: Dia, tok wal pernah muntah sekali lah jujur cakap dia tahan tahan tapi muntah, bila dah muntah itu dia jadi segar, *so* [jadi] masa dalam keadaan badai itu tukang masak tak [tidak] boleh masak jadi tok wal *kirabackup* [bantu] bantu tukang masak, dah siap masak dah ni, dah *grip* [ketat] dah, dah siap masak yang kecewa nya kena ombak masakan semua terbalik akhirnya makan biskut daripada dah masak sup ayam, sup ayam terabur, akhir sekali makan biskut, dah masak untuk 48 orang masa itu ayam ada 48 ketul terbalik buang begitu ja [sahaja] akhirnya makan biskut, itu ombak tu [itu] memang orang panggil ombak 7 beradik.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Berapa lama tempoh masa sampai ombak itu reda balik?**

TW: Dia tak [tidak] lama dalam 15 hingga 30 minit tapi dalam masa tu [itu] rasa macam orang kata telur di hujung tanduk.

**MZZ: Kalau standard procedure [SOP] untuk hadapi situasi macam mana TLDM punya SOP berhadapan dengan situasi badai ombak itu**

TW: Badai ombak memang kita dah *ready* [siap] sebelum kita belayar peralatan semua dah [sudah] siap sedia dah [sudah], contoh macam bag kita dah ikat siap siap, tv [televisyen] yang ada kita ikat siap siap, peralatan peralatan yang mudah pecah kita dah simpan siap siap maknanya memang kita keluar memang dah diminta untuk dilandai ombak, SOP dia sebelum belayar kita kena buat *preparation* [persediaan] dalam kapal mana *check* [periksa] bocor tak, yang bahagian enjin *check* [periksa] enjin macam tok wal bahagian kelasi, tok wal kena *check* [periksa] tali, *deck* [geladak] bocor tak bocor adaikata tak karat habis satu *body* [badan] kapal itu kena tengok sebelum nak belayar akan ada penyelam menyelam *check* [periksa] bawah kapal, dah betul selamat apa semua barulah bergerak, kalau kat [dekat] tengah laut jadi bocor. ke kapal bocor ke itu kita tak [tidak] boleh cakap apa, mungkin terlanggar balak, kita tak [tidak] tahu balak datang dari mana kat [dekat] tengah laut ini jumpa macam macam dengan balak semua benda, memang SOP dia sebelum belayar kit kena *chek* [periksa] minyak yang bahagian minyak kene *check* [periksa] minyak yang *check* [periksa] perut kapal *check* [periksa] perut kapal yang bahagian enjin *check* [periksa] enjin, yang bahagian komunikasi akan *chek* [periksa] komunikasi semua akan *check* [periksa] tempat masing-masing, yang bahagian eletrikal, bahagian navigasi, plan kemana nak pergi dia akan keluarkan lah peta siap, siap semua dah *complete* [lengkap] sebelum belayar .

**MAA: Jadi kapal itu memang tak [tidak] boleh bagi amaran awal lah andai kata akan berlaku ombak?**

TW: Dia ombak ni tak [tidak] tentu dia datang dalam 3 minit lepastu dia tenang je [sahaja], macam aritu [hari itu] tok wal pergi ke Solawusi, Bitong [Indonesia] waktu tu [itu] masa pakai pangkat tu [itu], boleh tengok keadaan laut dan langit sama mana atas mana satu bawah sama, cuma yang bezakan nya pecahan daripada kapal, kapal langgar, pecah nampak macam ombak, tapi balik daripada Solawusi itu daripada Bitong itu, balik nak balik semula ke semenanjung sepanjang perjalanan dilanda ribut daripada Solawusi itu 4 hari dilanda ribut tak da [tidak ada] yang tenang.

**MZZ:Sepanjang dalam operasi ops pasir tu [itu] tok wal, kita sedia maklum yang tengah laut tu [itu] tak [tidak] ada isyarat telefon**

TW: Kita guna telefon satelit, ada satu untuk *call emergency* [panggilan kecemasan] ke apa, telefon zaman zaman tok wal dulu [dahulu] tiga tiga sekupang .

**MAA: Memang telefon tak ada lah nak call [telefon] keluarga ke?**

TW: Tak ada, sebab zaman tok wal zaman orang kata mula mula sekali tiga tiga sekupang lah dulu [dahulu] tu [itu] lah yang ada, masa tu sim kad dua ratus setengah, simkad lah tak [tidak] mampu zaman dulu tok wal tak [tidak] beli .

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: Waktu tu [itu] Cuma ada telefon satelit jelah [sahaja] untuk kegunaan kapal**

TW: Kegunaan kapal lah kalau ada *emergency* [kecemasan] ke, 1 minit berapa ringgit entah, 6 ringgit rasanya.

**MZZ: Waktu OPS PASIR tu [itu] tokwal, macam mana tok wal uruskan diri macam contoh dalam opsai itu, tok wal kena siap sedia 24 jam, jadi macam mana tok wal sediakan diri mcam contoh mandi, solat, pergi ke tandas**

TW: Ok untuk yang kapal baung kapal tok wal ni tak [tidak] ada istilah mandi untuk kita kecuali tukang masak dan tukang *serve* [hidang], tukang masak dan *steward* [pebantu tukang masak] je [sahaja] yang boleh mandi sebab dia nak [hendak] masak untuk makanan, orang lain semua tak [tidak] boleh mandi, gosok gigi basuh muka je [sahaj], untuk solat biasanya kita dah sediakan tong, tong tu [itu] kita ambik, tapi atas CO [Commanding Officer] lah kalau tengok ada hujan kan, ada Nampak hujan kat [dekat] radar kita pergi lah dapatkan air dan basahkan badan, pernah lah sekali mandi mandi, tengah sabun sabun hujan berhenti, bersabun lah, terpaksa kena cari hujan lagi berkejar, pernah lah itu kenangan orang kata gelak ketawa kejar hujan, sebab masa tu [itu] tak [tidak] mandi, yang jumpa jeti tak [tidak] sampai berapa jam keluar balik, bila nak jumpa mandi nya, masa tu [itu] lah CO [Commanding Officer] nak hilangkan stress kejar hujan, nak mandi punya pasal nak rasa air.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** Lepastu dalam operasi tu [itu] jugak, ada tak [tidak] tok wal pernah pergiambush [serbu] satu kapal tu [itu] untuk *check* [periksa]?

TW: Bukan satu kapal dah banyak kapal dah, itu dipanggil *boarding* [periksa kapal], tapi sebelum nak [hendak] ni [ini], kita kenal pasti dulu bot tu [itu] ada tak [tidak] dalam senarai, sebab kita ada senarai kan.

**MAA:** Contoh dia macam mana senarai tu [itu]?

TW: Nombor, macam kita kat (dekat) atas jalan ni nombor plat kereta kan, dia nombor *body* [badan] bot tu [itu] [ contoh A103 mana Sandakan punya ke, tawau punya ke.

**MAA:** Dia memang dah ada senarai?

TW: Dia dah ada senarai, dia bot yang akan bawa keluar dia dah ada senarai dah dengan (sedang berfikir).

**MAA:** TLDM?

TW: Bukan TLDM, dengan jabatan laut, dengan perikanan, memang dia dah senaraikan lah sebab lesen kan, lesen kelulusan kan.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** Jadi pernah tak [tidak] tokwalambush [serbu] kapal tu [itu], dimana kapal tu [itu] bukan milik Malaysia?

TW: *Yes* [ya], Vietnam,

**MAA:** Kapal jenis apa?

TW: Dia Vietnam ni jahat sikit tau [tahu], kapal dia tu [itu] dia pasang buluh, buluh keluar kiri kanan jadi kita rapat tu [itu] susah tau [tahu], pernah lah tapi panjang umur la, jatuh dalam air sebab nak lompat tak lepas kan terjatuh dalam air, nasib baik lah senjata tu tak [tidak] terlepas lagi dia, Vietnam ni ada pasang buluh supaya orang tak [tidak] boleh dekat dengan kapal dia.

**MZZ:** Itu memang dia sengaja ke ataupun diorang punya keselamatan?

TW: Itu memang diorg [mereka] punya, untuk keselamatan diorang [mereka] lah, orang susah nak rapat dengan dia satu lagi kalau ombak besar ke apa semua, kalau ada kapal ke lalu dia boleh *cover* [kawal] sikit lah supaya tak [tidak] terbalik.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Itu kapal nelayan ke apa?**

TW: Dia bot nelayan, tapi dia pakai tunda tu [itu] sedangkan pakai tunda pun pakai buluh tu [itu] supaya kita susah nak rapat, Vietnam dia jahat sikit, kalau Indonesia kita panggil berhenti, suruh keluar dia akan keluar dari kawasan kita, tapi kalau Vietnam Filipina dia jahat sikit, dia tak [tidak] paham bahasa kita, kita pun tak [tidak] paham bahasa dia jadi kurang ajar sikit lah.

**MAA: Sebagai contoh?**

TW: Sebagaimana kita naik kat [dekat] kapal, kita akan cari tekong [ketua] tu [itu] dulu baru lah cari awak- awak [anak-anak kapal] dia, kumpul kan semua tengok ada lesen ke tak [tidak] ada lesen, ada sesetengah tu [itu] memang tak [tidak] ada lesen lah,so[jadi] kita tak [tidak] ambik sedikit pun ikan dia, dia punya barang peralatan ke, pernah lah dia nak hulur ikan satu tong, kita tak [tidak] ambik [ambil].

**MZZ: Yang itu dia ceroboh perairan kita?**

TW: Memang dia ceroboh perairan kita, mana yang kita boleh halau balik kita halau balik, sebab contoh nya sempadan, dia masuk sikit je [sahja], kalau boleh halau kita halau, tapi kalau dah lebih tak nak [tidak mahi] dengar cakap kita, TLDM boleh ambil tindakan, tapi dulu tak [tidak] ada maritim, dia Polis Marin, kita ambil kita akan serah pada Polis Marin, itu dibawah Polis Marin lah.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA:** Jadi dekat laut tu [itu] macam mana nak kenal pasti sempadan Malaysia dengan yang lain?

TW: Kita ada radar, kite tengok pada radar, satu lagi kita cat, bukan cat rumah kita cat pada peta kat kapal tu [itu], dia yang menentukan, ok kita potong sini, jadi dalam radar tu [itu] kita dah *set* [tetapkan] dah [sudah] kawasan sini, macam kapal terbang macam mana tak berlanggar? Dia ada *highway* [laluan] dia sendiri, *so* [jadi] radar tu yang menentukan laluan dia kat sini, sama juga kapal.

**MZZ:** Jadi ada apa-apa lagi tak yang tok wal ingat sepanjang operasi pasir tu?

TW: Operasi pasir tu, sebenarnya ada tapi tok wal kena ingat balik lah sebab kita dah buang memori tu [itu], memang orang kata OPS PASIR ni [ini] ada elaun dia, kita dapat elaun kita dapat inisentif sebab kita berada di tengah laut, elaun OPS PASIR ni lain, dia ada satu elaun khas sebab kita keluar daripada tu [itu] bukannya lepas tali [keluar belayar] dapat elaun, TLDM lepas tali [keluar belayar] tak [tidak] ada elaun orang kata *best* [seronok]lah belayar lepas tali [belayar] ada elaun dah [sudah] tiap-tiap bulan, tak [tidak] ada, macam mana gaji orang kat [dekat] darat macam tu itulah gaji orang kat [dekat] laut, OPS PASIR tu [itu] apabila dibuka kan operasi baru lah ada dia keluarkan satu *party order* [perintah arahan], orang kata perintah untuk operasi, nama ada *start* [mula] tarikh bila sampai tarikh bila, tarikh tu ja [sahaja] boleh *claim* [tuntut] bukannya Oh sedap lah tiap-tiap bulan tak [tidak], kalau 14 haribulan sampai 31 haribulan mei, tarikh tu ja [sahaja] kita boleh *claim* [tuntut], contoh sehari 4 ringgit sehari, orang kata Oh sedap lah, tak berbaloi sebenarnya, engkau dengan tak [tidak] jumpa daratnya, tak [tidak] jumpa air nya, badan berlegas nya, engkau boleh duduk rileks di kedai kopi, tak berbaloi sebenarnya, dengan kita stress tertekan tak jumpa dunia lain.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** Tapi apa yang menjadi motivasi kepada tok wal untuk *still* [masih] *join* [sertai] operasi?

TW: Motivasi dia atas pegawai kita lah, pegawai kita rileks, masa terluang je [sahaja] kita kumpul, ceritakan apa ada masalah, masa tu [itu] lah luah, kita ambik masa 2 jam buat pertandingan memancing waktu siang hari kan, buat pertandingan memancing untuk rileks seketika, sebab kita tak [tidak] boleh nak *pressure* [paksa] tapi kalau pegawai tak pandai ambik hati itu yang kuca lana [porak peranda] lah, tapi sebabkan motivasi daripada orang atasan kita baik, orang atasan kita paham kerja, sama sama kerja.

**MZZ:** Tapi tok wal pernah berasa lah untuk *give up* [putus asa]? Dah [sudah] tak [tidak] tahan dalam operasi tu [itu]?

TW: Pernah sekali tu [itu] sebab tanah tak pijak, tak [tidak] pijak tanah 2 bulan lebih nampak memang Nampak, tapi tak [tidak] boleh nak pijak, tu [itu] yang cakap tadi [sebentar tadi] isi minyak, isi air, isi barang terus jalan, dengan tak [tidak] mandi mau [mahu] tak [tidak] tertekan [terkanan] nya, tak [tidak] mandi sehari rasa macamana? Berlengas kan kami 7 hari tak [tidak] mandi, balik tu [itu] ingatkan boleh mandi tapi tak [tidak] boleh mandi lagi sebab kapal kecil kalau kapal besar boleh mandi, air untuk masak, pernah kehabisan air, air habis makan apa yang ada, air mineral stok yang kita simpan untuk *emergency* [kecemasan] kan minum lah sementara nak pergi jeti ambik air

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Tok wal pernah lah merasa kapal tu [itu] rosak dan tersadai di tengah laut**

TW: Pernah

**MZZ: Berapa lama nak tunggu bantuan?**

TW: Masa tu nak dekat 2 hari kot [mungkin]

**MAA: Biar jelah [sahaja] kapal tu?**

TW: Kapal tu [itu] terapung je [sahaja] la, itu dekat laut cina selatan dekat dengan Pulau Ike rasanya dah kita. Arus je [sahaja] bawa, ikut je [sahaja] lah mana pergi itu pun hampir melepasi sempadan

**MZZ: Selepas daripada OPS PASIR itu, tok wal pergi kebase [pangkalan], selepas daripada itu tok wal dipindahkan ke kuantan?**

TW: *Base* [pangkalan] tu [itu], bertugas di *base* [pangkalan] Labuan, naik ke tawau, Sandakan berjalan habis lah.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Tugas tok wal apabila di kuantan tu?**

TW: Ketika di tanjung gelang tu duduk di *LLD* [Light Limited Duty] duduk bahagian *Buffer* [serang] la serang lah dalam unit *LLD* [Light Limited Duty], *LLD* [Light Limited Duty] ini supply [hantar] lain, tok wal kena uruskan surat menyurat dalam *department* [bahagian] itu, selepas duduk dalam 2 bulan kot [mungkin], tok wal dipindahkan untuk bantu pejabat pendidikan, pejabat pendidikan tentera punya la, dalam pejabat pendidikan tu [itu] sebab pegawai pendidikan tak [tidak] ada jadi tok wal terpaksa juga jaga perpustakaan, buku buku dalam perpustakaan *so* [jadi] anggota anggota yang ambil SPM semula

**MZZ: Jadi waktu tu [itu] tugas tok wal?**

TW: Bercampur aduk

**MAA: Tak seteruk berada dalam ops pasir tu [itu] lah?**

TW: Ops pasir kita berada di laut lain, kita keluar daripada semenanjung dia berbeza tau [tahu] disana, balik kemari kita sama ja [sahaja] kat [dekat] sini sebab kita asal usul kat [dekat] sini kan *so* [jadi] kat [dekat] sini tugas bantu ustaz, bersihkan surau waktu tu [itu] bujang lagi kan.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** Kalau diberi pilihan tokwal lebih suka atau seronok bertugas di pangkalan atau belayar

TW: Belayar lagi *best* [seronok]

**MAA:** Walaupun tak [tidak] mandi

TW: Dia punya keakraban dalam kapal tu [itu] berbeza, itu dulu lah sekarang ni tak [tidak] tahu macam mana, dulu keluar sama sama, sorang [seorang] sakit semua sakit, sorang [seorang] lapar semua lapar, sorang [seorang] kenyang semua kenyang, seronok dulu waktu kat [dekat] kapal.

**MZZ:** Jadi selepas daripada tu [itu] tok wal diberi tugas untuk menjadi jurulatih?

TW: Jurulatih tu [itu], tahun tahun 2007 selepas dalam 9 bulan tok wal berada disini, pastu [selepas itu] ada sorang *GI* [Government issue] tu [itu] nak bersara dia bawa tok wal ke sekolah tu [selepas itu], sebab tok wal jaga bahagian pendidikan, *start* [mula] daripada situ lah tok wal terjebak untuk jaga kat [dekat] sekolah-sekolah pernah sesat di Kelantan tu [itu] cari sekolah, nama sekolah tahu tapi sekolah tak [tidak] tahu kat [dekat] mana.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ: Jadi tok wal boleh ceritakan sedikit tak [tidak] syarat-syarat untuk jadi TLDM bagi yang berminat selepas ini?**

TW: Dulu SPM kena 4 kredit, tapi mungkin rezeki tok wal kot[mungkin] sebab tok wal dulu SPM biasa je [sahaja] tapi mungkin ALLAH nak bagi rezeki kita kat situ kan so [jadi] kita terima lah, tak kemana lah *follow* [ikut] lah tapi bagi yang nak menyertai tu [itu] sekarang dah senang dah [sudah] dia sekarang tak panggil rekrut, dia panggil parajurit masuk masuk dah [sudah] ada gaji, zaman-zaman tok wal tak da [tidak ada] gaji elaun gaji tu [itu] dah [sudah] selepas lulus semua tu [itu] baru dapat gaji, sekarang masuk- masuk dah [sudah] ada gaji tapi kena cecal lah tapi yang penting SPM la, sebab sekarang kan budak-budak malas belajar tapi nak kerja sedap [seronok] nak [hendak] gaji besar, kita dulu malas belajar tapi kita nak [hendak] janji ada kerja dia beza dengan budak sekarang.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** wal ada nasihat tak [tidak] pada golongan muda yang akan datang ni [ini] kalau siapa yang berminat untuk jadi anggota tentera laut ni [ini], tok wal ada pesanan tak?

TW: Untuk meraka? Ada, pesanan kalau kata kita nak kan sesuatu kerjaya tu [itu] macam contoh kerjaya dalam TLDM yang paling penting ikhlas dan jujur, kita ikhlas untuk berhidmat kita jujur dengan gaji yang kita terima tapi kalau kita tak ikhlas dengan berhidmat kita tak [tidak] kan [akan] dapat gaji yang sempurna, lagi kalau kita tak cekal dengan diri kita jagan lah melangkah ke tempat yang kita tak nak [tidak mahu], kita nampak macam oh bestnya [seronoknya], tengok pada pakaian oh *smartnya* [segak] pakaian, itu nampak pada pakaian tapi dia tak [tidak] tahu tugas dia, itu yang sampai ada yang lari daripada tugas sebab dia nampak daripada pakaian so [jadi] mana anak muda sekarang yang berminat nak [hendak] jadi anggota TLDM tolong kenali diri dulu sanggup ke tak [tidak] sanggup kena tinggalkan keluarga sanggup tak sanggup kena berlayar tak [tidak] mandi berhari hari itu semua kena pikir [fikir], kalau sekadar nak fikir gaji fikir duit, nak fikir cukup bulan aku dapat gaji tak [tidak] payah lah sebab apa, sebab dia akan menyeksa kita satu hari nanti.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MAA: Ok, saya terlupa nak tanya waktu tok wal dalam TLDM tok wal pernah terniat atau pernah diberi peluang untuk sertai anggota-anggota elit sebagai contoh sekarang kita ada PASKAL**

TW: Sebab tok wal dulu asal usulnya tok wal minta PASKAL dah duduk dah dalam kem, dah kena balun dah kena belasah dah, tapi kena *reject* [tolak] sebab telinga, telinga bocor, telinga bocor ni [ini] kalau kita menyelam air masuk tau [tahu], tak menyelam pun kalau kita mandi air masuk tau [tahu], *so* [jadi] dasar menyelam dia ada beberapa meter, *so* [jadi] meter tu yang menentukan untuk kita menyelam tahap mana tahap mana kita menyelam air masuk telinga dia boleh effect [kesan] pada diri kita air masuk automatik dah tak [tidak] boleh, sebelum pasukan elit ni [ini] tok wal dah kena belasah dah, dah kena bahan [belasah] dulu dah pastu [lepas itu] baru la *chek* [periksa] *medical* [kesihatan], lutut tempurung pun dah [sudah] teralih dah [sudah] badan dah [sudah] banyak rosak dah [sudah] sebenarnya orang yang cekal je [sahaja] boleh, sebab tok wal dah rasakan pahit tu [itu] macam mana dah [sudah] rasa nak tinggalkan, nak tinggalkan pun rasa ada juga waktu tu [itu] serabut je [sahaja] sebab fikir, kita dah separuh jalan tapi bila kite kena *reject* [tolak] tu [itu] menangis pun ada, masa kena *reject* [tolak] tu [itu] dan [sempat] lagi tok wal ingat tok wal tumbuk pintu bilik doktor lah, doktor kata awak terpaksa dikeluarkan daripada pasukan elit ni lah, untuk kursus lah, waktu tu [itu] tok wal tumbuk meja tumbuk pintu sebab dah kena belasah dah [sudah], duit dah [sudah] habis banyak dah [sudah] beli ubat kaki dah [sudah] sakit dah [sudah] lepastu [selepas itu] nak kena buang begitu sebab masa tu [itu] tok wal pikir masa tu [itu] nak jadi pasukan elit tak [tidak] fikir duit tak [tidak] fikir apa, memang dia ada elaun tersendiri masa tu [itu] jadi stress pun ada tumbuk meja sebab kita dah [sudah] botak-botak dah [sudah] dah [sudah] separuh gila, bukan normal dah [sudah] separuh gila dah [sudah] tak ingat apa dah [sudah], ingat lagi makan satu dulang 5 orang kiraan 20 habis makan tak [tidak] habis simpan dalam kocek pun ada, nasi tu [itu] bungkus dengan daun, tengah malam merangkak-rangkak cari makan pastu kena *reject* [itu] tak [tidak] gila kita? begitu lah tok wal rasa stress, aku kena *reject* [tolak], habis je [sahaja] kena *reject* [tolak] keluar je

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

[sahaja] dia suruh lapor unit asal dia bagi cuti tok wal tak ingat rumah tok wal, balik kampung naik bas terlajak tak tahu mana rumah sampai tahap gila tu [itu], zaman dulu la tok wal punya *intake* [pengambilan] masuk PASKAL ni [ini] 214 orang tapi [tetapi] yang lulus 9 orang, dulu lah sebab dia nak kualiti bukan kuantiti, 9 orang yang lulus sorang gila tinggal 8 orang ja [sahaja] yang berhidmat tapi sekarang dah tinggal separuh ja [sahaja], ada yang dah berhenti, dari 9 orang yang lulus tu [itu] satu gila, tinggal lapan, dah lulus selang beberapa hari tu [itu] dia gila, habis tu [itu] duk [kena] makan biawak, makan siput mentah.

**MZZ: Ok lepas [selepas] tok wal bersara ni [ini] apa pekerjaan tok wal selepas bersara?**

TW: Selepas bersara ni [ini], tok wal berada bekerja sendiri lah, meniaga dalam masa sama tok wal berceramah dalam masa sama tok wal bersama dengan konsultan myoutdoor dan ecotech di taman pertanian jubli perak sultan haji ahmad shah kuantan, ada tapak perkhemahan dalam tu [tu] *so* [jadi] buat motivasi pelajar-pelajar jati diri kursus kepimpinan pelajar, *team building* [latihan dalam kumpulan] macam-macam lah dalam tu [itu] sekarang ni pun tok wal tengah *provide* [sediakan] untuk bisnes permotoran atv baru nak belajar ada 4 biji *atv* [all-terrain vehicle] kat [dekat] taman pertanian tu [itu] lah, sekarang kerja macam tu [itu] lah dalam masa sama balik kampung, kait sawit, sekarang menternak sikit lah, ayam dengan kambing kampung.

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

**MZZ:** Selepas bersara ni [ini] tok wal ada rasa rindu tak pada perhidmatan?

TW: Rindu tu [itu] memang ada sebab kita dah berbelas tahun dengan dia, sebab tok wal dulu, hidup tok wal degan kerja, sebelum tok wal berumah tangga pun tok wal tidur kat [dekat] pejabat siapkan kerja, orang tak namapk kita kerja sebab tok wal kerja *time* [waktu] orang tak ada, tahu tahu kerja siap terpulang lah pada orang yang nak menilai kita sampai satu ketika tu [itu] ada seorang pegawai tu yang *posting* [ditempatkan] kemari dia tahu tok wal kerja macam manastart[mula] daripada situ lah tok wal dapat khidmat cemerlang dia bagi lah, dia sokong untuk khidmat cemerlang hah dapatlah sijil khidmat. Cemerlang tu [itu] dia bagi atas pentas ada lah kenangan baru dia tahu kita buat kerja macam mana.

**MZZ:** Jadi soalan terakhir dan penutup lah dari awal tok wal masuk TLDM sampai lah tok wal bersara apa yang tok wal dapat simpulkan daripada pengalaman pengalaman tu?

TW: Kesimpulan dia, satu je [sahaja] perjalanan hidup kita bukan mudah tapi susah untuk kita mengejar sesuatu apa yang kita nak, kita kena cari apa yang kita tak [tidak] nak, kita kena usirkan dia, jadi setiap apa yang kita tinggalkan di belakang itulah rindu bagi kita setiap yang dihadapi itulah pengajaran bagi kita jadi apa yang berlaku pada tok wal dalam TLDM itu kerinduan yang tok wal ambil, yang dihadapi tok wal kena belajar daripada kerinduan yang ada .so[jadi[ dalam TLDM tu [itu] tok wal dah belajar macam-macam daripada tok wal tak boleh buat sampai tok wal boleh buat, di kapal aku belayar bergelombang semua itu di laut, tapi apabila aku bersara aku di darat akau punyai kaki dan kudrat untuk bekerja .so [jadi] apa pun aku buat walaupun aku pernah mengutip tin tepi jalan, walaupun aku pernah mengutip kotak tepi jalan, walaupun aku pernah menjual besi untuk menampung pulang ke kampung setelah aku bersara gaji tak ada itu pengalaman, jadi kesimpulanya hidup kita kena sentiasa senyum selalu kerna senyuman

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

itu adalah sedekah dan senyuman itu adalah pembunuh bagi manusia, senyum lah selalu untuk orang lain kita sedekah senyumlah untuk membunuh segala masalah yang kita miliki itu sahaja.

**MZZ:** Ok sebelum saya tamatkan rekod ini, tok wal sepanjang tok wal ceritakan tu [itu] ada tak yang tok wal klasifikasikan sebagai sulit?

(Menceritakan bahagian bahagian yang diklasifikasikan sebagai sulit)

**MZZ:** Jadi itu sahaja daripada kami, terima kasih atas kesudian Tok Wal untuk memberi peluang kepada kami untuk menemu bual, sekian Assalamualaikum,

SESI TEMU BUAL TAMAT

**LOG**

**TEMUBUAL**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR**

---

<b>MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>ISI</b>
00:43 (Tape 1)	Latar belakang tokoh	-Nama penuh Mohd Shawal Bin Shaib -Dilahirkan pada 2 Ogos 1981 -Dilahirkan di Simpang Renggam, Johor.
01:42 (Tape 1)	Maklumat tentang keluarga tokoh	-Nama bapanya ialah Shaib Bin Hamid -Nama ibunya ialah Fatimah Binti Hassan -Ibubapa berasal daripada Batu Pahat -Pekerjaan bapa ialah buruh kasar -Pekerjaan Ibu ialah suri rumah
02:05 (Tape 1)	Maklumat tentang adik-beradik tokoh	-Tok wal ialah anak yang ke 2 daripada 5 orang adik-beradik
2:13 (Tape 1)	Maklumat tentang isteri anak tokoh	-Nama isteri ialah Siti Saffiah -Suri rumah sepenuh masa -Mendirikan rumahtangga pada awal 2009 -Mempunyai 2 orang anak
2:45 (Tape 1)	Sejarah pendidikan awal	-Sekolah rendah Bukit Kenangan, Johor -Selepas itu masuk Sekolah menengah Dato Abdul Rahman Andak, simpang renggam
4:05 (Tape 1)	Sejarah pekerjaan awal	-Tahun 2000 mula menghadiri temuduga pengambilan anggota TLDM - Mula berhidmat di dalam TLDM pada tahun 2001
		-Mengembara ke setiap negeri di

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR**

---

4:30 (Tape 1)	Kehidupan sebelum mendapat pekerjaan tetap	semenanjung -Bekerja di kedai makan
06.35 (Tape 2)	Pengalaman menjalani latihan	-Menjadi ketua divisyen dalam pembarisan tamat latihan -Menjalani latihan selama 6 bulan -Terlantar koma selama setahun di hospital
01.06 (Tape 2)	Operasi yang pernah terlibat	-OPS PASIR -Pertelagahan antara Malaysia dan Indonesia (perebutan minyak)
02.25 (Tape 2)	Tugasan ketika didalam OPS PASIR	-Sebagai kelasi kapal - Mengemudi kapal dan Lookout - Belayar menaiki kapal jenis tempur KD BAUNG - Kapal yang lengkap bersenjata
05.48 (Tape 2)	Peristiwa ketika diserang hendap	- Diserang ketika kapal mengalami kerosakan - 4 individu menggunakan bot pancung - Berlaku tembak menembak - Radar sedang rosak - Berada dalam kawasan panas ( abu sayaff)
00.02 (Tape 3)	Ditugaskan untuk menjaga pangkalan di sepanggar	- 40 orang - Kumpulan pertama masuk di pangkalan di sepanggar - Menjadi ketua bagi 40 orang anggota

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

		<p>dipanggil BUFFER</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berhadapan dengan orang kampung yang marah dengan TLDM</li> </ul>
03.52 (Tape 3)	Kehidupan di pangkalan sepanggar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kebanyakan penduduk bukan orang sabah</li> <li>- Ada yang terkena histeria</li> <li>- Bangunan yang tak siap lagi, tiada bekalan air, dan elektrik</li> <li>- Jalan masih tidak siap</li> </ul>
09.38 (Tape 3)	Pengalaman Kapal KD Baung dibadai ombak	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kapal timbul tenggelam</li> <li>- Ada yang muntah dan pengsan</li> <li>- Ikat diri pada tepi kapal untuk lookout</li> <li>- Makanan dah siap dimasak, terbalik akibat kapal dibadai ombak</li> <li>- Terpaksa makan biskut sahaja</li> </ul>
00.05 (Tape 4)	Menceritakan bagaimana menguruskan diri sepanjang operasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Tiada istilah mandi</li> <li>- Jumpa jeti tidak sempat jejak kaki ke tanah, terpaksa keluar balik teruskan operasi</li> <li>- Kena sentiasa bersiap sedia</li> </ul>
03.35 (Tape 4)	Pengalaman semasa boarding kapal	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kapal nelayan Vietnam paling degil</li> <li>- Pernah jatuh dalam air</li> <li>- Kesukaran menghadapi nelayan yang bukan warganegara Malaysia</li> </ul>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

<p>00.10 (Tape 5)</p>	<p>Motivasi menghadapi tekanan di atas kapal</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Motivasi daripada pegawai kapal</li> <li>- Berkumpul ketika masa terluang, meluahkan perasaan</li> <li>- Buat pertandingan memancing</li> <li>- Orang atasan pandai kawal anggota</li> </ul>
<p>06.29 (Tape 5)</p>	<p>Tugasan ketika di pangkalan tanjung gelang kuantan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Duduk di bahagian buffer</li> <li>- Dipindahkan untuk bantu pejabat pendidikan tentera</li> <li>- Tugas bercampur aduk</li> <li>- Menjadi jurulatih kawad di sekolah</li> </ul>
<p>11.35 (Tape 5)</p>	<p>Nasihat kepada generasi muda yang ingin menyertai TLDM</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Belajar yang penting</li> <li>- Ikhlas dan jujur kalau nak berhidmat dalam TLDM</li> <li>- Kena cekal dalam hidup</li> <li>- Jangan hanya melihat melalui pakaian</li> <li>- Kenali diri dulu, sanggup atau tidak untuk tinggalkan keluarga</li> <li>- Jangan fikir tentang gaji dan duit faktor menjadi anggota TLDM</li> </ul>
<p>01.30 (Tape 6)</p>	<p>Pengalaman menjalani latihan untuk menjadi anggota PASKAL</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Hanya orang yang cekal sahaja yang boleh masuk</li> <li>- Sudah menjalani latihan di kem</li> <li>- Terpaksa digugurkan kerana faktor kesihatan</li> <li>- Kecewa sehingga mengalir air mata</li> </ul>

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

05.30 (Tape 6)	Kehidupan selepas bersara	<ul style="list-style-type: none"><li>- Menjadi jurulatih di Kem Taman Pertanian Jubli perak Sultan Haji Ahamd Shah</li><li>- Berniaga</li><li>- Memberi ceramah motivasi untuk pelajar</li><li>- Menternak ayam dan kambing di kampung</li></ul>
07:55 (Tape 6)	Kesimpulan daripada kisah perjalanan hidup beliau sebagai anggota TLDM	<ul style="list-style-type: none"><li>- Perjalanan hidup kita bukan mudah</li><li>- Apa yang kita nak kita kena cari, apa yang kita tak nak kita kena usirkan</li><li>- Hidup kena sentiasa senyum</li></ul>

**RALAT**

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

Sewaktu temubual ini dijalankan terdapat beberapa gangguan yang menyebabkan rakaman temubual ini kurang jelas.

BIL	RALAT
1.	Bunyi suara orang ketawa
2.	Bunyi angin
3.	Bunyi siren ambulans
4.	Bunyi pinggan mangkuk
5.	Bunyi telefon
6.	Bunyi enjin motosikal
7.	Bunyi enjin kereta

# RINGKASAN

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

Kami telah menebual Encik Mohd Syawal Bin Shaib yang merupakan anggota TLDM yang terlibat dalam operasi OPS PASIR. Kami telah mengadakan temubual bertempat di Restoran Sebintang, Batu Hitam, Kuantan, Pahang. Beliau telah dilahirkan pada 2 Ogos 1981 di Simpang Renggam, Johor. Beliau merupakan anak ke dua daripada 5 orang adik beradik. Beliau seorang anak buruh kasar yang bersemangat dan sentiasa bermotivasi.

Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 2009 dan dikurniakan dua orang cahaya mata. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Kenangan, Simpang Renggam, Johor. Beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Andak, Simpang Renggam, Johor. Beliau ialah pesara Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang berpusat di Markas Operasi Wilayah Laut 1 Kuantan. Beliau pernah terlibat dalam beberapa operasi di perairan laut china selatan ialah Ops Pasir. Beliau bersara pada tahun 2016 dan kini menetap di Kuantan, Pahang. Sekarang beliau bekerja sebagai jurulatih di Kem Taman pertanian Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. Beliau lebih mesra dikenali dengan panggilan Tok Wal.

Temubual selama 1 jam 27 minit adalah berkenaan dengan latar belakang dan pengalaman beliau sebagai anggota TLDM yang terlibat dengan OPS PASIR. Beliau juga menceritakan pengalaman pahit gentir beliau sepanjang menjalankan operasi dan pernah satu ketika beliau hampir kehilangan nyawa. Pengalaman beliau sepanjang menjadi anggota TLDM dikongsikan kepada kami serta turut dikongsikan kepada peserta-peserta program yang menjalani latihan di Kem Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah Kuantan.

Sepanjang sesi temubual kualiti rakaman kami baik namun terdapat beberapa gangguan dari segi bunyi yang tidak dapat dielakkan. Ini adalah kerana lokasi menemubual Encik Mohd Shawal di restoran ada beberapa pelanggan restoran yang duduk berhampiran dengan kami. Namun begitu, kesemua maklumat penting mengenai latar belakang dan pengalaman beliau dapat direkod dan ditranskripkan dengan baik

# DIARI KAJIAN

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR**

---

<b>BIL</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PERKARA</b>
1.	21 Mac 2017	Pengenalan kepada subjek sejarah lisan
2.	28 Mac 2017	Pensyarah memberitahu tugas ini boleh dilakukan secara berpasangan (Partner)  Berbincang dan senaikan tajuk-tajuk untuk membuat tugas ini.
3.	4 April 2017	Pemilihan tajuk kertas kerja (Anggota TLDM)
4.	4-30 April 2017	Pengumpulan dan pencarian maklumat berkaitan tokoh
5.	13 Oct 201	Menelefon Encik Mohd Syawal dan menyatakan tujuan kami untuk membuat sesi temubual bersamanya
6.	16 Mei 2017	Kami memberitahu tarikh untuk temubual iaitu pada 31 Mei 2017 (Rabu)
7.	9 - 13 Mei 2016	Menjana soalan untuk temubual
8.	23 Mei 2017	Menunjukkan soalan temubual kepada pensyarah
9.	23 Mei 2017	Kami telah menanyakan lokasi untuk mengadakan sesi temubual bersama beliau
11.	31 Mei 2017	Sesi temubual diadakan dengan tokoh
12.	31 Mei- 11 Julai 2017	Proses mendokumentasikan transkrip temubual bersama tokoh

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

13.	11 Julai 2017	Perbentangan kepada Panel
14.		
15.		
16.		

# SENARAI SOALAN

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

## **Soalan Sejarah Lisan**

### **a) Latar belakang**

1. Bilakah Encik dilahirkan?
2. Dimanakah tempat Encik dilahirkan?
3. Encik dibesarkan dimana?
4. Dimanakah Encik menetap sekarang?
5. Siapakah nama bapa Encik?
6. Siapakah nama ibu Encik?
7. Ibu bapa Encik berasal dari mana?
8. Apakah pekerjaan ibu bapa Encik?
9. Berapakah bilangan adik-beradik Encik?
10. Encik anak yang ke berapa?
11. Siapakah nama isteri Encik?
12. Apakah pekerjaan isteri Encik?
13. Bilakah Encik mendirikan rumahtangga?
14. Encik dan isteri dikurniakan berapa orang cahaya mata?
- 15.

### **b) Sejarah Pendidikan Awal**

16. Bilakah Encik mula-mula menjejakkan kaki ke alam persekolahan?
17. Apakah nama sekolah rendah Encik belajar dahulu?
18. Pada tahun berapakah Encik mula masuk ke sekolah menengah?
19. Apakah nama sekolah menengah itu?
20. Ketika sekolah menengah, adakah Encik ada mengikuti apa-apa aktiviti ataupun persatuan berkenaan seni dan budaya?
21. Adakah pengalaman Encik semasa mengikuti aktiviti persatuan semasa sekolah menengah dahulu telah memberi sedikit sebanyak meningkatkan diri Encik ketika zaman remaja?
22. Adakah Encik ada memegang apa-apa jawatan didalam persatuan semasa sekolah menengah dahulu?

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

23. Adakah Encik pernah mendapat apa-apa anugerah ataupun pengiktirafan ketika menuntut di sekolah tersebut?
24. Selepas Encik menamatkan zaman persekolahan, adakah Encik melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?
25. Dimanakah Encik melanjutkan pelajaran tersebut?
26. Pada tahun bilakah Encik melanjutkan pelajaran tersebut?
27. Bolehkah Encik ceritakan sedikit sejarah bagaimana Encik dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi?
28. Apakah bidang pengajian yang ditawarkan untuk Encik?
29. Adakah Encik berminat dengan bidang pengajian yang ditawarkan?
30. Semasa Encik melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi, adakah Encik ada menyertai apa-apa aktiviti atau persatuan yang dianjurkan?
31. Apa pandangan keluarga Encik serta adik-beradik yang lain dalam bidang yang Encik ceburi?
32. Selama pengajian Encik, apakah penganugerahan tertinggi yang pernah Encik terima?
33. Bilakah Encik tamat pengajian?

### **c) Sejarah Pekerjaan Awal**

34. Bolehkah Encik ceritakan serba sedikit tentang kehidupan Encik sebelum mendapat pekerjaan tetap?
35. Apakah pekerjaan Encik ketika itu?
36. Apakah nama atau syarikat Encik bekerja dahulu?
37. Dimanakah lokasi tempat Encik bekerja?
38. Bilakah Encik mula mendapat pekerjaan ini?
39. Apakah jawatan yang disandang Encik ketika itu?
40. Apakah tugas dan tanggungjawab Encik ketika itu?
41. Apakah pengalaman yang Encik dapat dari pekerjaan itu?

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

42. Pernahkah Encik dinaikkan pangkat semasa bekerja disitu?
43. Apakah cabaran yang paling sukar untuk Encik semasa memegang jawatan tersebut atau selama Encik berkhidmat disitu?
44. Berapa lamakah Encik berkhidmat di tempat tersebut?
45. Selain daripada itu, adakah Encik pernah berhenti dan memohon pekerjaan lain?

### **d) Pengalaman menjankan operasi OPS PASIR**

46. Adakah encik pernah terlibat dengan apa-apa operasi?
47. Boleh ceritakan sedikit mengenai operasi itu?
48. Apakah tugas encik ketika itu?
49. Kapal apa yang digunakan ketika operasi itu?
50. Boleh encik ceritakan senjata yang ada dalam kapal itu?
51. Dia boleh musnahkan kapal jenis apa?
52. Sepanjang pelayaran Encik di perairan, selain di lambung ombak ada peristiwa pahit lagi tak yang pernah dilalui sepanjang menaiki KD baung?
53. Siapakah nama pegawai-pegawai yang bertugas mengemudi kapal?
54. Berapa anggota yang berada dalam KD Bang itu?
55. Apakah peristiwa yang pernah dilalui?
56. Apakah operasi terakhir encik?
57. Sepanjang berada dalam kapal KD baung, boleh ceritakan tak pengalaman dibadai ombak setinggi berapa kaki?
58. Waktu kena badai ombak itu encik pernah ke muntah ke pengsan ke?
59. Berapa lama tempoh masa sampai ombak tu reda balik?
60. Baaimana SOP tldm menghadapi kejadian seperti itu?
61. Bagaimana menguruskan masa dan diri sepanjang berada dalam operasi?
62. Pernahkah encik pergi serbu kapal?
63. Bagaimana nak kenal sempadan perairan?
64. Ada apa-apa lagi yang encik ingat sepanjang OPS PASIR itu?
65. Apakah yang menjadi motivasi kepada encik untuk terus berkhidmat?
66. Pernahkah encik berasa putus asa?
67. Pernahkah menagalami situasai kapal rosak?
68. Apakah tugas ketika berada di kuantan?

## TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

69. Kalau diberi pilihan tugas yang mana lebih seronok?
70. Boleh ceritakan sedikit syarat syarat untuk menjadi anggota TLDM?
71. Apakah nasihat encik kepada anak muda yang ingin menuertai TLDM?
72. Adakah encik pernah menyertai unit-unit elit?
73. Apakah pekerjaan encik selepas bersara ini?
74. Adakah encik berasa rindu dengan perhidmatan dalam TLDM?
75. Apakah yang encik dapat simpulkan dari keseluruhan kisah hidup encik sepanjang menjadi anggota TLDM?
76. Sebelum saya tamatkan temubual ini, ada apa-apa yang encik mintak untuk diklasifikasikan sebagai sulit dan tidak dibenarkan untuk direkodkan?

# INDEKS

## INDEKS

### A

Anchor, 38

Ambush, 35

### D

Darat, 38

### F

Filipina, 37

### G

Gun , 37

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

## I

Indonesia, 43

## J

Johor, 18

## L

Labuan, 40

Leading, 17

## K

Kuantan, 17.

Kota Kinabalu, 19

Kapal, 27

Kecemasan, 52

## **M**

Malaysia, 43

## **O**

Operasi, 33, 39, 42, 55

## **P**

Pangkalan, 44

Perairan, 50

## **R**

Radar, 36

## S

Simpang Renggam, 19

Siepanggar, 19

Suri rumah, 21

## T

Tentera, 24

## V

Vietnam, 49

# RUJUKAN

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---

## RUJUKAN

Mohd Shawal Bin Shaib.(2017, Mei 31). Temubual bersama Mohd Shawal Bin Shaib mengenai Ops Pasir di Sabah [Interview]

Mohd Zin, M. R. (2002, March 11). Ops Pasir lindungi Sabah. Retrieved June 17, 20017, dari [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0311&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt=0311&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm)


User, S. (n.d.). KD BAUNG. Retrieved July 7, 2017, from <http://pusmas.navy.mil.my/index.php/sejarah-tldm/sejarah-kapal/kd-baung>

A. (n.d.). KD BAUNG (3509) - Tentera Laut Diraja Malaysia. Retrieved July 3, 2017, from <http://www.navy.mil.my/index.php/visi-dan-misi/item/234-kd-baung-3509>

# GAMBAR

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA MOHD SYAWAL BIN SHAIB SEBAGAI  
ANGGOTA TLDM YANG TERLIBAT DENGAN OPS PASIR

---





UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN KEDAH

SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN SALINAN TRANSKRIP SEJARAH LISAN

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Saya Mohd Syawal bin Shaib

Dengan ini mengaku telah mendapat satu salinan transkrip temubual Sejarah Lisan bertajuk  
Mohd Syawal bin Shaib anggota TIDM yang terlibat dengan OPS Pasir

..... daripada penemubual iaitu

Muhammad Zharfan Zuhair Bin Mohd Zaki dan  
Muhammad Azrin Afik bin Azri


Transkrip ini telah diserahkan kepada saya pada  
5/7/2017

Untuk sebarang pertanyaan, saya boleh dihubungi melalui: -

- a) 018-376 8997 (No. tel bimbit)  
b) ..... (No. tel. rumah)  
c) ..... (No. tel. pejabat)

Atau di alamat:

Tamoh Pertanian Subli perate, Sultan Haji Ahmad Shah, 26100  
Kuantan, Pahang.

Nama : Mohd Syawal bin Shaib  
Tandatangan :   
Tarikh :